



DiGi pikat remaja

Perkenal perkhidmatan muzik telefon bimbit, web tanpa had pada harga RM5

>>Oleh Efendi Badarudin
 efendi@hmetro.com.my

DIGI Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) merancang meningkatkan penguasaan pasaran satu per tiga daripada 27 peratus penguasaannya ketika ini untuk segmen pengguna telefon mudah alih golongan remaja selepas memperkenalkan perkhidmatan muzik telefon bimbit dan web tanpa had muzik DiGi pertama di negara ini.

Ketua Bahagian Pemasaran dan Produknya, Albern Murty, berkata DiGi menawarkan perkhidmatan itu kepada pelanggannya dengan bayaran hanya RM5 dan ia pertama kali diperkenalkan di negara ini dengan menyasarkan pengguna remaja.

Menurutnya, perkhidmatan yang diperkenalkan DiGi itu sebagai satu langkah untuk memperkukuhkan penguasaan pasarnya terutama di kalangan remaja.

"Ketika ini lebih 50 peratus penduduk di negara ini adalah remaja dan perkhidma-

tan yang diperkenalkan ini mampu mengembangkan pasaran kami," katanya kepada pemberita pada pelancaran perkhidmatan muzik mudah alih dan web tanpa had muzik DiGi di Petaling Jaya, Selangor, semalam.

Hadir sama Ketua Bahagian Pemasaran DiGi, Koay Chee Keong; Naib Presiden Kanan Asean dan Naib Presiden Universal Music Group International, Sandy Monteiro; dan Pengarah Urusan Sony Music Malaysia, Adrian Lim.

Menurut Murty, mereka yang berminat khususnya pelanggan DiGi yang melanggan untuk perkhidmatan keahlian web tanpa had muzik DiGi itu sebelum hujung November ini akan menikmati akses percuma terhadap portal perpustakaan muzik untuk tempoh 30 hari pertama.

"Pelanggan yang jadi ahli perkhidmatan ini boleh menikmati muzik digital berkualiti dalam format fail

Windows Media Audio (WMA) sehingga 256kbps," katanya.

Beliau berkata, senarai muzik tanpa henti yang dimuat turun adalah Pengurusan Hak Digital (DRM) atau ciri perlindungan harta intelek.

Katanya, selain itu pelanggan boleh memuat turun lima lagu tambahan percuma DRM setiap bulan dan mereka boleh memindahkannya ke peranti lain.

"Mereka juga boleh berkongsi dengan rakan menerusi rangkaian Bluetooth," katanya.

Pelanggan hanya perlu membayar RM5 untuk menikmati muat turun tanpa had daripada laman web www.DiGiMusic.com.my dengan pilihan lagu yang banyak daripada dua syarikat muzik terbesar dunia, Universal Music dan Sony Music.

Mereka juga tidak perlu membayar yuran data - melayari dan muat turun apabila mereka melayari laman

web untuk memilih dan berkongsi senarai lagu dengan rakan menerusi SMS, e-mel dan rangkaian sosial yang lain.

Selain itu, mereka juga boleh mendapatkan kandungan eksklusif serta sebagai jemputan kepada pengalangan muzik yang unik seperti parti eksklusif dan konsert perdana.



MURTY...perkukuh pasaran